

Jangan sisih buda

Stigma masyarakat terhadap pesakit mahupun anak pesakit boleh 'bunuh' masa depan mereka

B.H M/S C7 29.1.07

Oleh Nor Affizar Ibrahim

NATASHA, 12 (bukan nama sebenar) menatap wajah adiknya dengan linangan air mata. Pada usia lima tahun adiknya, Haikal disahkan menghidapi Aids. Tiga tahun lalu, Natasha kehilangan ibu dan bapa kerana Aids. Kini, dengan pemergian adiknya, beliau tiada sesiapa lagi di dunia.

Selepas kematian ibu bapanya, Natasha dan adiknya dicemuh kanak-kanak lain dan dipulau orang dewasa di kampung mereka. Selama enam bulan kedua-dua beradik itu menyara hidup sendiri dan kadang-kadang mendapat makanan berlebihan jiran yang simpati dengan keadaan mereka.

Sehinggalah suatu hari, sekumpulan pegawai perubatan yang membuat lawatan di sekolah berhampiran mengesan kehidupan dan nasib menimpa mereka. Kedua-dua beradik itu kemudian dihantar ke rumah anak yatim. Ketika membuat pemeriksaan perubatan, Haikal didapati positif HIV, manakala Natasha disahkan negatif.

Haikal sering bertanya Natasha mengapa kanak-kanak lain tidak dibenarkan bermain bersama atau sering menjauhkan diri daripadanya. Sebagai kakak, Natasha sentiasa memujuk dan mememani Haikal serta menggembirakan hatinya. Walaupun, Natasha sihat seperti kanak-kanak lain, dirinya turut disisih.

Hari demi hari berlalu dan keadaan Haikal semakin lemah dan seminggu sebelum menyambut hari lahir kelima, adiknya menghembuskan nafas terakhir.

“Penyakit HIV/Aids bukan saja membawa penderitaan, tetapi juga bebanan kepada ahli keluarganya termasuk anak kecil yang masih tidak mengerti mengenai kehidupan”

Dr Kamarul Azahar Mohd Razali
Perunding Pediatrik dan Pakar Penyakit Berjangkit, Institut Paediatrik Hospital Kuala Lumpur

Natasha benar-benar berasa kehilangan segala-galanya. Apakah ada masa depan untuknya?


NATASHA adalah satu contoh kanak-kanak di Malaysia yang kehidupan dan masa depannya terjejas akibat HIV/Aids. Walaupun, HIV/Aids tidak mempedulikan agama, budaya, bangsa atau kemanusiaan, sedihnya kita berbuat demikian dan tergamak menyisih serta membiarkan kanak-kanak seperti Natasha serta Haikal terus hidup dalam kegelapan.

Kini, dianggarkan ada lebih daripada 67,000 kes HIV/Aids dilaporkan di Malaysia, termasuk lebih 700 kanak-kanak yang menghidapinya dan angka itu terus bertambah serta membimbangkan.

Perunding Pediatrik dan Pakar Penyakit Berjangkit, Institut Paediatrik Hospital Kuala Lumpur, Dr Kamarul Azahar Mohd Razali, berkata 95 peratus penularan penyakit HIV/Aids di kalangan kanak-kanak berlaku secara vertikal iaitu daripada ibu kepada anak.

Beliau berkata, kebanyakan kes risiko jangkitan pada bayi ialah ketika kelahiran, di samping jangkitan daripada susu ibu dengan dua kali ganda risiko.

“Peluang wanita mendapat HIV melalui hubungan seksual adalah dua kali ganda daripada lelaki. Ini bermakna, jika seorang lelaki itu didapati negatif dan pasangan wanitanya positif serta mengandung, peluang atau risiko bayi yang dikandung mendapat HIV/Aids adalah tinggi jika tiada rawatan diberikan. Didapati, kira-kira 90 peratus kanak-kanak yang dijangkiti penyakit itu adalah



RISIKO TINGGI: Jangkitan daripada susu ibu

ketika dalam kandungan iaitu 30 peratus pada awal kehamilan dan 60 peratus lagi ketika kelahiran,” katanya.

Misalnya, selain dijangkiti penyakit itu dalam usia yang masih mentah ada kanak-kanak akan menjadi yatim piatu apabila ibu bapa mereka meninggal dunia akibat HIV/Aids. Selain itu, kanak-kanak yang hidup dalam keluarga HIV/Aids turut didiskriminasi atau menerima tempas kebencian masyarakat walaupun dirinya disahkan bebas daripada penyakit berkenaan.

“Kira-kira 6,000 kanak-kanak menjadi yatim piatu di negara ini akibat ibu bapa mereka meninggal disebabkan HIV/Aids. Bagaimanapun daripada jumlah itu hanya satu pertiga atau perempat yang turut dijangkiti HIV dan malangnya, kebajikan kanak-kanak ini turut terabai,” katanya.

Dr Azhar berkata, 60 peratus kanak-kanak yang dijangkiti penyakit itu dijaga oleh keluarga sebelah bapa atau ibu seperti nenek, ibu atau bapa saudara, manakala 25 peratus lagi dipelihara keluarga angkat dan yang lainnya terpaksa dimasukkan ke rumah kebajikan.

Beliau berkata, umumnya kanak-kanak yang dijangkiti penyakit atau hidup dalam lingkungan keluarga HIV/Aids akan melalui kehidupan terbiar atau dibuang oleh ibu bapa. Ini berlaku, sama ada akibat ibu bapa mengabaikan tanggung jawab terhadap anak atau mereka sendiri terlantar di hospital dan meninggal dunia akibat Aids.

“Kebanyakan mereka ini dihimpit

...k HIV/Aids



GAMBAR HIASAN

ibu mempunyai kesan risiko dua kali ganda.

kehidupan miskin dan ada masalah kesihatan dalam keluarga kerana ketiadaan wang untuk rawatan serta penjagaan diri. Kehidupan lebih sukar apabila keluarga tiada pekerjaan dan sokongan di samping adanya stigma dalam masyarakat yang masih tidak memahami konsep penularan jangkitan penyakit itu," katanya.

Dr Azhar yang juga ahli jawatankuasa Tabung Pediatrik Aids berkata, masyarakat sewajarnya harus bersedia menerima kehadiran kanak-kanak HIV/Aids di samping memberi sokongan kepada kanak-kanak yang hidup dalam lingkungan keluarga yang ada penyakit itu. Ini kerana seperti kanak-kanak lain mereka juga ada cita-cita dalam hidup.

Katanya, kecanggihan rawatan hari ini membolehkan kanak-kanak HIV/Aids terus terselamat dan membesar serta berpeluang menjalani hidup normal. Berdasarkan kes yang dikendalikan ada kanak-kanak yang disahkan mengidap HIV/Aids sejak bayi kini sudah pun mencapai usia 25 tahun apabila mendapat rawatan dan penjagaan sepenuhnya.

"Dari segi fizikal kanak-kanak ini mungkin agak kecil kerana selalu sakit dan perlukan rawatan. Bagaimanapun, perkembangan kecerdasan intelek (IQ) kanak-kanak HIV/Aids sama juga seperti kanak-kanak yang sihat dan mereka juga ada potensi untuk berjaya dalam pelajaran. Walaupun kerap keciciran pelajaran disebabkan masalah kesihatan didapati, mereka masih mampu mengejanya," katanya.

Mengenai penjagaan kanak-kanak HIV/Aids berbanding orang dewasa yang menghidap penyakit itu Dr Razali berkata, mereka memerlukan lebih pemerhatian dan tumpuan. Sehubungan itu, menempatkan kanak-kanak berkenaan di rumah kebajikan bukanlah jalan terbaik.

Dari segi penerimaan kanak-kanak itu terhadap penyakit dihidapi, beliau berkata ada kala sukar untuk memberitahu kenyataan sebenar kerana mereka terlalu kecil untuk memahaminya. Bagaimanapun, lazimnya kanak-kanak berkenaan diberitahu ketika berusia 11 tahun bagi kanak-kanak perempuan dan lelaki, 13 tahun.

"Ada di antara kanak-kanak ini sudah pun memahami dan mengetahui penyakit yang dihidapi sebelum doktor atau penjaga mereka memberitahunya. Kebanyakannya boleh menerima dengan baik tetapi apa yang perlu ditekankan kepada mereka ialah menerangkan kepadanya mengenai risiko yang akan dihidapi dan menerima keadaan diri dengan positif serta memastikan kualiti kehidupan lebih baik," katanya.

Bagi kanak-kanak yang hidup dalam lingkungan keluarga HIV/Aids, Dr Razali berkata, walaupun bebas daripada penyakit itu, mereka perlu ediselamatkan kerana risiko terdedah gejala negatif adalah tinggi. Katanya, kehidupan yang miskin dan keluarga terumbang ambing menyebabkan kanak-kanak berkenaan berdepan dengan pelbagai cabaran hebat masalah sosial, ekonomi dan emosi.

FAKTA

HIV/Aids

- Aids kali pertama dikesan di San Francisco, Amerika Syarikat pada 1981 di kalangan pengamal homoseksual, tetapi di Malaysia mereka yang hidup dengan penyakit ini lebih di kalangan pengguna dadah.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan jumlah penduduk yang hidup dengan HIV/Aids di seluruh dunia akan meningkat tiga kali ganda dalam masa 10 tahun mendatang sekiranya tiada usaha dilakukan untuk mengurangkan jangkitan penyakit berkenaan.
- PBB menjangkakan sebahagian besar daripada jumlah mereka yang hidup dengan HIV/Aids ketika itu adalah wanita dan kanak-kanak memandangkan pada masa ini hampir dua pertiga daripada jumlah pembawa HIV berumur kurang 24 tahun di seluruh dunia adalah kanak-kanak perempuan dan wanita muda.
- Malaysia adalah negara ke lima terpentas mengalami penyebaran HIV/Aids di rantau Asia Pasifik.
- Di Malaysia, peningkatan jumlah wanita yang hidup dengan HIV/Aids banyak disebabkan hubungan heteroseksual, iaitu jangkitan daripada suami. Berdasarkan kajian, didapati faktor ini membabitkan kira-kira 25 peratus atau satu dalam empat kes HIV yang dilaporkan.
- Penularan HIV/Aids di Malaysia masih belum terkawal sepenuhnya kerana masih ada hampir 5,000 kes baru dilaporkan setiap tahun dan corak penularan menunjukkan semakin ramai wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa.
- Orang ramai perlu tahu, HIV tidak membunuh kerana ia hanya melumpuhkan sistem pertahanan badan dalam jangka masa 10 tahun sehingga pesakit diserang penyakit lain seperti pneumonia.
- Virus HIV/Aids bersifat demokratik, tidak memilih mangsa. Tetapi ia amat sukar sekali untuk berjangkit kecuali bagi mereka yang berisiko tinggi kerana virus HIV akan mati apabila terdedah kepada persekitaran. Malah, virus Hepatitis B atau C lebih mudah berjangkit berbanding HIV.